

28/11/1998

Washington berfahaman perusuh, perosak

Abang 98

UCAPAN Naib Presiden Amerika Syarikat (AS), Al Gore pada majlis makan malam sempena Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) baru-baru ini mencetus rasa tidak senang rakyat Malaysia, khasnya pemimpin negara. Gore yang ternyata cuba mencampuri secara langsung urusan dalaman negara, menyokong gerakan antikerajaan dan memperlihatkan pendirian dan sifat kurang ajar atau biadab kerajaan AS. Keadaan ini menggambarkan sokongan sebulat suara kerajaan AS terhadap sebarang bentuk gerakan yang membawa kepada keganasan. Pendirian mereka itu seolah-olah memperkecilkan peranan pemimpin negara, terutamanya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

AS yang dilabel sebagai polis dunia ternyata terlalu berkuasa untuk mengkritik negara-negara lain di dunia. Pemimpin-pemimpinnya bolehlah kita anggap seperti "Si buta mengajar si celik berjalan" atau "Bapak ayam yang berkokok riuh sekampung, malangnya ekor bergelumang tahi". Mereka seolah-olah lupa bahawa urusan dalaman negara sendiri tidak terurus tetapi cuba mengurus negara orang. Bercakap lantang mengenai hak asasi manusia tetapi mereka jugalah yang mencabul hak asasi yang dilaung-laungkannya. Banyak lagi urusan dalaman mereka yang belum diselesaikan, salah satunya skandal seks Presiden Bill Clinton.

Kini telah jelas bahawa pemimpin AS berfahaman "perusuh dan perosak" masyarakat. Mereka boleh diumpamakan sebagai "barbarian" yang lebih menyukai keganasan dari keamanan. Lihatlah apa yang berlaku di Indonesia apabila rakyatnya diapi-apikan ucapan Setiausaha Negara AS, Madeleine Albright secara terang-terangan menentang Presiden Suharto.

Apakah hasil yang rakyat perolehi akibat tindakan mereka itu? Adakah kita sebagai rakyat Malaysia ingin diperlakukan sebegitu? Sifat yang menjurus kepada keganasan itu terus diperlihatkan dengan tindakan AS baru-baru ini untuk menyerang negara Iraq yang sama sekali musnah akibat serangan mereka suatu ketika dulu. Adakah dengan keganasan dapat menyelesaikan setiap permasalahan? Itulah yang digemari oleh AS dan konco-konconya.

Mereka laksana pengacau yang tidak boleh melihat keamanan dikecapi oleh negara-negara lain. Mereka lebih rela memejamkan mata apabila berlaku sebarang keganasan seperti di Palestin, Bosnia-Herzegovina dan Kosovo.

Oleh itu kita sebagai rakyat Malaysia yang waras, janganlah mudah terpedaya dengan dakyah keganasan AS. Malaysia bukanlah negara yang boleh diperkotak-katikan dengan sewenang-wenangnya. .

Seharusnya Gore bagi pihak AS memohon maaf secara terbuka terhadap rakyat dan kerajaan Malaysia di atas keceluparannya. Malangnya, adalah amat dikesali apabila beliau berdegil dan keras kepala.

Akhir kata marilah kita bersatu padu dan bekerjasama demi memelihara keamanan yang dikecapi sejak sekian lama. Janganlah kerana "beberapa ekor anjing yang menyalak sebuah bukit maka bukit itu terus runtuh". Sesungguhnya AS dan balaci-balacinya itu mempunyai agenda mereka tersendiri yang ternyata amat busuk, jahat dan kotor.